



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PROGRAM ASASI AGRISAINS 2020/2021



*Sharing is Caring*

PUSAT PERSEDIAAN SAINS DAN TEKNOLOGI  
(PPST)

**SURIANA L**

Penulis

**MEGAWATI M.Y**

penyunting

Februari 2021 – Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) UMS telah mengadakan Program ***'Sharing is Caring': Asasi Agrisains 2020/2021.*** Program yang berlangsung selama seminggu bermula 22 hingga 26 Februari 2021 ini diadakan di Bilik Kuliah 1, PPST. Program ini adalah anjuran khas untuk 27 orang pelajar Asasi Agrisains bertujuan untuk menaikkan minat dan semangat pembelajaran mereka dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan STEM iaitu Biologi, Fizik, Matematik, Kimia dan Bahasa Inggeris. Para pelajar memberikan komitmen penuh dengan rekod kehadiran 100%. 3 daripada mereka menghadirkan diri secara atas talian dengan penglibatan 8 orang kakitangan akademik dan pentadbiran.

Tiga objektif utama Program ini adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar membuat dan menjawab latihan tutorial dengan bimbingan secara langsung daripada pensyarah kursus. Selain itu, program ini bertujuan untuk mendedahkan teknik menjawab soalan peperiksaan yang baik dan betul kepada para pelajar seterusnya memupuk minat dan kesedaran bahawa sains adalah menyeronokkan dan sangat memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan.

Sepanjang seminggu, modul dan tentatif telah disusun dengan rapi agar program ini berjalan dengan lancar dan berjaya. Modul pertama program dimulakan dengan aktiviti *Spelling Bee* oleh pelajar dan diikuti dengan *Tips to Score in Physics* pada sebelah petang. Modul hari kedua program adalah dikhaskan untuk kursus Kimia iaitu ‘Tips Menjawab Soalan Kimia pada sebelah pagi diikuti dengan aktiviti Ujikaji Makmal : Analisis tanah bersama Cik Nur Hazwani Bte Dahon pada sebelah petang. Pada hari ketiga, pelajar mengikuti modul untuk menjawab soalan Matematik bersama Cik Suriana Bte Lasaraiya serta aktiviti *Team Building* yang bertemakan *Fibonacci Numbers* pada sebelah petang. Hari berikutnya, pelajar mengikuti modul kursus Biologi bersama Dr. Sitty Nur Syafa Bte bakri bagi mengenal pasti kata kunci penting dalam silibus Biologi serta hubungkait masalah Biologi dan penyelesaiannya.

Aktiviti debat merupakan acara kemuncak bagi mengakhiri program ini. Para pelajar buat pertama kalinya didedahkan dengan aktiviti sebegini. Menariknya, isu yang diketengahkan dalam pertandingan debat ini adalah isu asas dalam pertanian yang berkait rapat dengan program agrisains mereka. Secara tidak langsung, membuka minda mereka terhadap bidang pengajian dan kerjaya di masa hadapan. Perasmian dan penutupan program pada sebelah petang yang dirasmikan sendiri oleh Pengarah PPST, Prof. Madya Dr. Jumat Bin Sulaiman sekaligus memberikan hadiah kepada para pemenang bagi setiap aktiviti yang diadakan sepanjang seminggu program.

Pihak PPST sangat berharap agar penganjuran program ini sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat yang tinggi di kalangan pelajar Asasi Agrisains untuk terus bermotivasi dalam pembelajaran mereka.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA  
SABAH



## Ucapan daripada Pengarah PPST, Prof Madya Dr. Jumat Sulaiman



**Barisan Pensyarah yang menjayakan program “  
Sharing is Caring”**



PARA PELAJAR YANG  
MENGIKUTI  
PROGRAM TERSEBUT



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## ACARA DEBAT